



KENYATAAN MEDIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
9 OGOS 2025 / 15 SAFAR 1447H

**MAKLUM BALAS MENGENAI VIDEO TULAR BERHUBUNG 'PERMIT KERJA
DIKELUARKAN KEPADA INDIVIDU YANG BERADA DALAM TAHANAN DEPOT
IMIGRESEN'**

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) merujuk kepada satu video yang tular di media sosial bermula 7 Ogos 2025 berhubung rakaman pertemuan sepasang suami isteri bersama pemilik akaun tersebut mengenai dakwaan permit kerja dikeluarkan kepada individu yang berada dalam tahanan Depot Imigresen.

Berdasarkan kandungan video ini, suami isteri tersebut memaklumkan telah membuat bayaran sebanyak RM5,000 untuk permohonan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) bagi melepaskan adiknya yang ditahan di Depot Imigresen melalui seorang individu bergelar Dato'. Walaupun bayaran telah dibuat dan imbasan 'kod QR pada permit kerja wujud dalam sistem', namun adiknya masih belum dibebaskan dan janji 'boleh dilepaskan di mahkamah' juga tidak berlaku.

JIM memandang serius dakwaan ini dan berdasarkan semakan lanjut serta hasil kerjasama daripada individu pemilik akaun berkenaan, ePASS milik pihak seperti yang didakwa adalah disyaki palsu kerana Kod QR telah diubahsuai dan semakan silang menerusi sistem MyIMMs menggunakan nombor pasport juga menunjukkan tiada sebarang rekod PLKS.

Sehubungan itu, Jabatan ini menafikan sekeras-kerasnya dakwaan yang tular di media sosial berhubung kononnya seorang individu bergelar Dato' mampu menguruskan PLKS atau ePass bagi melepaskan seorang tahanan di Depot Imigresen. Kesemua urusan imigresen hanya boleh dilakukan melalui saluran rasmi sama ada di kaunter Jabatan atau secara dalam talian di portal rasmi. Tiada pegawai atau pihak ketiga dibenarkan menguruskan permohonan di luar prosedur.

JIM menyeru mana-mana pihak yang mempunyai maklumat atau menjadi mangsa penipuan untuk segera membuat laporan kepada pihak Polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). JIM tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu yang cuba mencemarkan nama baik jabatan atau memperdaya orang awam. Siasatan lanjut akan dijalankan bagi mengenal pasti punca penyalahgunaan maklumat dan memastikan tindakan undang-undang diambil.

#TAMAT#

**DATO' ZAKARIA BIN SHAABAN
KETUA PENGARAH IMIGRESEN
MALAYSIA**